

SOALAN NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN TIAN CHANG @ TIAN CHUA

TARIKH: 11 JUN 2014

SOALAN:

Dr. Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian baru-baru ini melancarkan program Recognition of Prior Learning (RPL). Siapakah yang telah dianugerahkan kontrak untuk menjalankan program RPL. Bagaimana mereka dipilih dan adakah proses tender dijalankan. Berapakah jumlah kos keseluruhan program ini.

PR-1322-L62669

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dalam usaha bagi meningkatkan jumlah pekerja mahir negara, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah penyeliaannya. Di antara agensi tersebut adalah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Tenaga Manusia, Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dan sebagainya.

2. Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia merupakan sijil pengiktirafan yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran bagi mengiktiraf individu yang menunjukkan kemampuan yang diperlukan atau dipraktikkan dan dilengkapi dengan tahap kompetensi bagi melaksanakan tugas atau fungsi seperti yang diperlukan dalam pekerjaan. Persijilan ini boleh diperolehi melalui latihan yang diiktiraf oleh pusat latihan terpilih atau pengiktirafan pencapaian terdahulu oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.

3. Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) -(*Recognition of Prior Learning (RPL)*), adalah salah satu cara bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia. Melalui PPT ini, pekerja yang berpengalaman dan berkemahiran dalam sesuatu bidang pekerjaan akan melalui proses yang ditetapkan dan seterusnya mendapatkan persijilan berdasarkan tahap kemahiran pekerja tersebut. Tahap kemahiran adalah berdasarkan kepada National Occupational Skill Standard (NOSS) yang telah dibangunkan oleh pakar industri negara.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Melihat kepada perkara ini, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah membangunkan Skim PPT pada tahun 2009 bagi membantu usaha tersebut. Skim PPT ini menawarkan bantuan kewangan kepada majikan berdaftar yang berminat untuk memberi

pengiktirafan kepada para pekerja mereka yang berpengalaman dan berkemahiran memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia yang dilihat memberi kesan yang baik samada untuk pekerja mahupun majikan. Sejajar dengan keperluan industri semasa, PSMB telah menambah beberapa badan persijilan antarabangsa yang terpilih bagi membolehkan majikan ataupun pekerja membuat pilihan dalam persijilan yang akan diperolehi.

5. Sehingga kini, PSMB telah menjalinkan kerjasama dengan empat (4) badan persijilan yang mempunyai rangka pengakreditasian (accreditation framework) yang berbeza. Badan-badan akreditasi ini boleh menganugerahkan persijilan melalui kaedah RPL dan mereka adalah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), di bawah Kementerian Sumber Manusia, University of Ballarat, Australia, Institute of Supply Chain Management (IOSCM), United Kingdom, dan yang terkini, Gazelle Group of Colleges, United Kingdom. Badan akreditasi ini akan ditambah dari masa ke semasa sejajar dengan keperluan industri di mana PSMB akan membuka peluang kepada syarikat tempatan mahupun antarabangsa yang menawarkan konsep seperti yang telah ditetapkan dan seterusnya akan dipertimbangkan bagi tujuan kelulusan.

6. Tiada sebarang kontrak yang diberikan kepada mana-mana pihak. Ini adalah kerana, di bawah perlaksanaan RPL, bantuan kewangan bagi pekerja mengikuti penilaian RPL hanya akan dibayar setelah majikan bersetuju menggunakan dana KWPSM yang dicarum oleh mereka untuk tujuan tersebut melalui proses yang telah

ditetapkan oleh PSMB. Sehubungan itu, tiada sebarang proses tender dijalankan.